



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI “BAPA PEMBANGUNAN MODAL INSAN”

PULAU-PINANG, 16 September 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia (ANM) telah menganjurkan Program Mengenang Negarawan Tun Abdullah Ahmad Badawi: “Bapa Pembangunan Modal Insan” sempena Sambutan Hari Malaysia ke-62 bagi menghargai jasa dan sumbangan Perdana Menteri Malaysia kelima yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Tun Abdullah Ahmad Badawi dikenang sebagai pemimpin berjiwa rakyat yang menekankan pembangunan modal insan, integriti dan perpaduan. Antara sumbangan utama beliau termasuk penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM), pemerkasaan Badan Pencegah Rasuah (kini SPRM), serta gagasan Islam Hadhari yang menekankan keseimbangan pembangunan fizikal dan nilai modal insan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “Tun Abdullah percaya kekuatan sebenar Malaysia bukan hanya bergantung pada infrastruktur fizikal, tetapi pada kualiti ilmu, sahsiah dan nilai rakyatnya. Jika Manusia berakhlak, berilmu dan berintegriti, dunia akan aman damai. Inilah warisan kepimpinan beliau yang wajar kita teruskan.”

Beliau turut menegaskan bahawa asas pemikiran Islam Hadhari mempunyai kesinambungan dengan gagasan Malaysia MADANI yang sedang digerakkan kerajaan hari ini, yang mana kedua-dua nya menekankan nilai, integriti dan kesejahteraan rakyat.

Sebagai tanda penghargaan, KPN menyambut baik penubuhan Memorial Tun Abdullah Ahmad Badawi di Vision Park, Bertam, Kepala Batas, Pulau-Pinang, yang bakal menjadi simbol legasi beliau untuk generasi akan datang.

Kementerian Perpaduan Negara

16 September 2025

KPN.100-9/1/1 ()